

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]

TARIKH : 22.10.2015

SOALAN :

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pelbagai masalah yang dihadapi oleh Kementerian apabila melaksanakan Pelan Pendidikan Malaysia (2015-2025).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Cabarannya utama yang dihadapi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam melaksanakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 adalah usaha untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai aspirasi pendidikan negara kepada semua pihak yang berkepentingan. Penghayatan dan pemahaman yang jitu dan menyeluruh terhadap usaha yang dilaksanakan oleh KPM dalam merealisasikan PPPM 2013-2025 masih belum sampai ke tahap yang dihasratkan.

Bagi tujuan ini, satu pendekatan yang lebih strategik dan berfokus telah dirangka untuk menyampaikan mesej utama melalui saluran penyampaian yang lebih berkesan kepada pelbagai pihak berkepentingan. Semua saluran media seperti media cetak, elektronik, sosial dan media luar akan digunakan sepenuhnya untuk menyalurkan maklumat mengenai PPPM.